

10 pekerjaan

paling teruk di dunia

Berdasarkan maklum balas daripada pekerja berkenaan dalam satu tinjauan global

PADA halaman sebelum ini, kami membawakan beberapa jenis pekerjaan yang kurang diminati warga Singapura. Berikut kami sajikan pula 10 pekerjaan paling teruk di dunia berdasarkan maklum balas daripada pekerja berkenaan dalam satu tinjauan global.

PEKERJA PEMBERSIHAN
Mereka adalah satria atau srikandi senyap yang menentukan bahawa tandas dan meja awam yang akan kita gunakan bersih atau sekurang-kurangnya tidak terlalu kotor.

Namun, tidak seperti *superhero*, tiada yang 'glamor' mengenai tugas pekerja pembersihan ini.

PENGAWAL DI ISTANA BUCKINGHAM
Pengawal Istana Buckingham ini dianggap antara tugas paling teruk dalam angkatan tentera Britain.

Selain terpaksa berdiri tanpa berjam-jam lamanya, mereka juga terpaksa kelihatan segak semasa berdiri. Lantas, jika tidak bertugas, para pengawal ini menghabiskan masa berjam-jam juga mengiatkan but dan menggosok pakaian seragam mereka sehingga licin.



PENAT BERDIRI: Model yang memakai pakaian seragam pengawal Istana Buckingham bagi mempromosikan Britain ini beruntung kerana beliau bukan memikul tugas itu sepenuh masa. — Foto THE STRAITS TIMES



JUIK TAPI PENDING: Tugas perangsang haiwan amat penting dalam penyelidikan terhadap kesuburan dan sperma haiwan. — Foto REUTERS



GELINYA: Para pekerja pembersihan saluran najis di India melakukannya cara lama — menggunakan baldi dan tangan. — Foto AFP

PERANGSANG HAIWAN

Walaupun nampak 'jujik', tugas ini penting untuk kerja-kerja penyelidikan dalam bidang kesuburan dan pembuntiran tiruan haiwan.

Para perangsang haiwan ini menggunakan pelbagai kaedah termasuk sebuah alat elektrik yang dimasukkan ke dalam dubur haiwan atau menggunakan alat faraj tiruan haiwan betina dan dimasukkan ke dalam kemaluan si jantan.

PEKERJA PEMBERSIH SALURAN NAJIS DI INDIA

Begitulah tugas seorang pekerja pembersih lurang di India. Beliau perlu menyangkut di dalam lurang saluran najis sambil menguap kotoran di dalamnya dengan menggunakan baldi.

Pekerja itu kemudian mengangkut baldi ke atas kepalanya dan memberikan baldi berisi najis dan kotoran lain itu kepada teman sekerjanya yang berada di atas. Tidak hairanlah kenapa pekerjaan ini antara yang paling teruk di dunia.

PENGKAJI NYAMUK BRAZIL

Saintis yang mengkaji penyakit malaria perlu mengkaji tabiat nyamuk mencari mangsa.



WIRA DALAM SENYAP: Para pekerja pembersihan bekerja keras di belakang tabir bagi memastikan keselesaan pengguna tandas. — Foto THE STRAITS TIMES



BERKORBAN: Saintis di Brazil menjadikan tubuh mereka perangkap bagi sejenis nyamuk negara itu untuk mengkaji penyakit malaria. — Foto THE STRAITS TIMES



SINI SANA BAU: Makmal-makmal yang menghasilkan sabun pencuci mulut mengajikan pakar untuk membal nafas pengguna. — Foto THE STRAITS TIMES

Di Brazil, nyamuk itu dipanggil *Anopheles Darlingi* yang tidak boleh ditangkap menggunakan kaedah biasa.

Lantas, untuk memerangkap nyamuk ini, saintis di Brazil perlu mengorbankan tubuh mereka sendiri sebagai perangkap.

PEMERSIH TANDAS BERGERAK

Tugas ini adalah gabungan pengumpul sampah dan pengkaji organ penghasilan manusia. Tetapi apa yang pasti, ia lebih 'kotor' daripada kedua-dua pekerjaan itu.

Sukar kita menemu tandas bergerek yang bersih, jadi bayangkan bagaimana keadaannya tanpa para pekerja komited yang memastikan tandas-tandas itu 'selamat' digunakan.

Dengan menggunakan alat penyedut dan sebuah tangki, pekerja pembersihan ini perlu menyedut segala kekotoran di dalam tandas itu dan menungut bekas-bekas tisu basah yang sering melekat di celah-celah tandas.

Setelah itu, tandas tersebut digosok sehingga bersih, atau sekurang-kurangnya sebersih yang termampu.

'PENGADIL' BAU MULUT

Apa yang dilakukan para pengadil seperti ini merupakan pekerjaan luhur di makmal-makmal syarikat pencari pencuci mulut.

Individu-individu tertentu akan digaji untuk mencuba produk yang dihasilkan dan mengemukakan nafas mereka di muka para pengadil ini.

PENGAWAL MUTU MAKANAN KUCING

Warga Britain, Jon Hanson, menyifatkan tugasnya sebagai pekerjaan teruk di dunia — sebagai pegawai pengawal mutu makanan kucing.

Tugasnya itu melibatkan beberapa peringkat ujian, antaranya termasuk memastikan mukanya ke dalam tin makanan kucing bersaiz besar untuk memastikan kesegaran bau makanan itu.

Kemudian, beliau perlu menggunakan tangannya untuk memeriksa bahagian-bahagian tulang ikan yang tertinggal.

Akhir sekali, beliau harus pula mengeluarkan segumpal makanan itu secara rawak dan meletakkannya ke dalam pinggan untuk memeriksa sama ada masih terdapat tulang-tulang kecil yang tertinggal.

PEMERSIH HAIWAN YANG DILANGGAR DI JALAN RAYA

Para pekerja ini bukan sahaja perlu beran, malah ligit.

Ini kerana mereka bukan hanya perlu membersihkan sisa-sisa bangkai binatang yang terbunuh akibat dilanggar kenderaan di atas jalan raya, bahkan pada masa yang sama, mereka juga harus mengelak kenderaan yang lalu lajang bagi memastikan mereka sendiri tidak menjadi mangsa.

PEKERJA SAFARI (MENGHALAU MONYET)

Warga Canada, Marin, berkongsi pengalamannya bekerja di zoo safari.

'Tugasnya ialah memantau keadaan haiwan di safari itu. Beliau menjalankan tugasnya dari dalam sebuah kenderaan yang diletakkan di atas sebuah lor.

Menurutnya, monyet sering suka bergayut di atas lor itu. Lantas, di pintu keluar safari tersebut, seorang pekerja ditugaskan menghalau monyet dari dalam lor dengan menggunakan sebatang kayu yang panjang.

Malangnya, monyet-monyet di safari itu tidak dengar kata. Dan pekerja itu kadangkala diperbodoh-bodihkan. Bayangkan diri kita diperbodohkan oleh sang monyet!



NASIB MACAM KUCING: Pekerja di sebuah syarikat membuat makanan kucing di Britain berkongsi pengalamannya sebagai pegawai mutu kawalan yang disifatkannya sebagai paling teruk di dunia. — Foto WISKAS



SEDOT KOTORAN: Jika anda rasa tandas awam kotor, bersyukurlah anda tidak bekerja membersihkan tandas bergerak seperti dalam gambar ini. — Foto THE NEW PAPER



'DIMONYET-MONYETKAN': Bayangan diri kita dipermal-mainkan oleh si monyet. Itulah yang dialami pekerja safari di Canada. — Foto REUTERS